



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2017/01/05 (HQ)

### WASPADA RISIKO SELEPAS BANJIR

**Tenaga Nasional Bhd (TNB)** menasihatkan orang ramai untuk tidak menggunakan peralatan elektrik yang terendam dalam banjir bagi mengelakkan renjatan elektrik berlaku.

"Peralatan elektrik dan pendawaian yang terendam boleh menyebabkan litar pintas atau kebakaran," kata Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman.

"Sebelum menggunakan semula peralatan elektrik, ia hendaklah dibersihkan dan dikeringkan."

Pengguna, katanya perlu memastikan suis elektrik dan perkakas elektrik yang terendam dalam air banjir diperiksa dan diuji terlebih dulu oleh kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) sebelum menggunakan semula.

Selain itu, ibu bapa perlu mengawasi pergerakan anak-anak mereka supaya tidak menghampiri tiang elektrik yang tumbang dan kabel elektrik yang putus semasa banjir. "Wayar elektrik sentiasa berisiko walaupun ianya bertebat," kata Roslan lagi.

Justeru beliau menasihatkan orang ramai agar tidak cuba mengalih atau memegang wayar elektrik yang terputus akibat banjir sama ada di dalam atau di luar rumah.

"Pengguna perlu berhati-hati dan mengutamakan keselamatan dengan memakai kasut dan menggunakan kayu untuk mengalihkan barang yang bertaburan di lantai," kata Roslan lagi.

Untuk mendapatkan nasihat dan maklumat lain berkaitan bekalan elektrik di kawasan yang terlibat dengan banjir, pengguna boleh menghubungi talian TNB CareLine 15454.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 10:00 pagi, 7 Januari 2017**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Teng Yoon Soon (019-2931228) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /  
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*